



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## STATISTIK KEMALANGAN DI LPT2

Pembinaan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) sepanjang 184 kilometer bermula dari Jabor hingga Kampung Gemuroh, Kuala Terengganu pada tahun 2006 telah siap secara berperingkat dimana ia dibuka kepada trafik sepenuhnya pada 31 Januari 2015. Jajaran LPT2 ini merupakan kesinambungan jajaran lebuhraya LPT1 bermula dari Karak hingga Jabor.

Atas arahan YB Menteri Kerja Raya, satu badan penilai bebas yang dilantik Jabatan Kerja Raya (JKR) akan bertanggungjawab untuk membuat penilaian keadaan Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) bagi menilai semula permukaan lebuhraya itu sama ada ia mematuhi kadar kelicinan yang ditetapkan.

Badan itu juga akan mengaudit tahap keselamatan berhubung belokan dan permukaan lebuhraya yang mungkin tidak rata selain membuat profil jalan sama ada berlaku mendapan yang menyebabkan jalan tidak rata yang seterusnya boleh mendedahkan bahaya kepada pengguna jalan raya.

Sebaik mendapat laporan awal, langkah mitigasi termasuk menurap semula jalan atau memperbaiki lengcongan akan diambil dengan segera.

Berdasarkan kepada analisa statistik kemalangan di LPT2 bermula tarikh 1 Februari 2015 hingga 25 Oktober 2015, didapati punca utama kemalangan di LPT2 adalah faktor manusia seperti memandu dalam keadaan mengantuk, memandu melebihi hadlaju terutamanya di waktu hujan, cuai serta gagal mematuhi arahan keselamatan yang telah ditetapkan.

Menurut laporan statistik juga, sebanyak 717 kemalangan berlaku di jajaran LPT2 bermula dari Jabor hingga Kampung Gemuroh, Kuala Terengganu antara 1 Februari 2015 hingga 25 Oktober 2015. Daripada jumlah itu, 77 peratus (551 kemalangan) berpunca daripada faktor manusia.

Faktor persekitaran pula sebanyak 14 peratus (99 kemalangan) yang melibatkan pencerobohan haiwan ternakan seperti lembu dan kerbau serta haiwan liar ke dalam rezab lebuhraya serta terdapat lokasi air bertakung. Selebihnya sebanyak 9 peratus (67 kemalangan) adalah faktor kenderaan.

Daripada 717 jumlah kemalangan tersebut, 22 kemalangan maut melibatkan jumlah kematian seramai 34 orang, 40 kemalangan melibatkan cedera parah dan 136 kemalangan melibatkan cedera ringan. Manakala selebihnya tiada melibatkan sebarang kecederaan.

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my

Berdasarkan kepada statistik kemalangan maut, didapati ia tidak berlaku di lokasi beralun tetapi ia melibatkan jajaran yang lurus dan permukaan lebuhraya yang baik.

Pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) / Jabatan Kerja Raya (JKR) telah dan akan mengambil beberapa tindakan di sepanjang lebuhraya bagi menangani permasalahan ini seperti:

- i) Meningkatkan kekerapan rondaan di sepanjang lebuhraya oleh Peronda LPT2 bagi memantau pencerobohan haiwan ternakan/haiwan liar masuk ke dalam rezab lebuhraya.
- ii) Membaikpulih pagar rezab lebuhraya yang rosak dimana banyak diantaranya di rosakkan dan di potong oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.
- iii) Memasang Gegelung Dawai Berduri (Barbed Wire) di lokasi-lokasi yang sering dicerobohi.
- iv) Memohon kerjasama semua agensi berkaitan seperti Pihak Majlis Daerah, Polis, Pegawai Daerah, Penghulu, Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Kampung, Pejabat Agama Daerah serta pihak Jabatan Veterinar untuk memperluas larangan pencerobohan haiwan ke kawasan lebuhraya.
- v) Pihak LLM/JKR juga telah mengedarkan risalah-risalah kesedaran berkenaan pemantauan haiwan-haiwan ternakan kepada penduduk sekitar disepanjang LPT2.
- vi) Cadangan pemasangan Papantanda Amaran dilokasi kerap berlakunya pencerobohan haiwan.
- vii) Memaparkan peringatan dan nasihat kepada pengguna lebuhraya pada Papantanda Elektronik (VMS) di sepanjang Lebuhraya.

Pihak LLM/JKR juga telah mengenalpasti beberapa lokasi kerap berlakunya kemalangan di disepanjang LPT2 melibatkan lokasi air melintas dan kawasan selekoh untuk ditambahbaik. Antara cadangan penambahbaikan di lokasi-lokasi berkenaan adalah:

- i) Menambahbaik permukaan lebuhraya dengan menggunakan kaedah *resurface* dan *regulate*
- ii) Membaikpulih permukaan lebuhraya dan sistem perparitan di lokasi-lokasi air melintas.
- iii) Memasang *Yellow Transverse Bar*, *Alert /Warning Bar* dan *sticker* pantulan cahaya di struktur Rel Penghadang (*Guardrail*) serta Parapet Jambatan
- iii) Memohon pihak Polis, JPJ dan SPAD dan agensi-agensi terlibat melaksanakan penguatkuasaan disepanjang LPT2

Justeru itu, langkah serta intervensi yang bersesuaian akan terus dilaksanakan di lokasi-lokasi strategik bagi membantu meminimalkan risiko dan sekaligus mengurangkan kadar kemalangan di LPT2.

Permukaan lebuhraya ini berada dalam keadaan yang baik secara amnya. Bagaimanapun, terdapat beberapa kawasan telah berlaku pemendapan terutamanya dikawasan berdekatan struktur jambatan (*Bridge Approach*). Beberapa

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my

lokasi permukaan lebuhraya yang beralun telah dan akan terus diperbaiki dari masa ke semasa. Kerja-kerja pembaikan ini adalah dibawah tanggungan pihak kontraktor asal kerana ianya masih dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan (*Defects Liability Period* - DLP).

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**28 OKTOBER 2015**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my